

# Pertahan hak kuota Bumiputera: Muhd Taib

RM - 3 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Khamis - Negara membangun, khususnya Malaysia perlu mempertahankan hak kuota Bumiputera dalam pelbagai bidang termasuk sektor perniagaan supaya tidak terus tertekan sebaliknya mampu berdiri teguh untuk berdaya saing dengan negara maju.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata setiap negara merdeka seharusnya diberi pilihan menguruskan soal negara masing-masing mengikut acuan sendiri tanpa campur tangan dari negara asing.

Katanya, negara asing, khususnya negara maju pula tidak seharusnya mengambil kesempatan menindas negara membangun (Malaysia) dengan memberikan syarat tertentu terhadap peniaga mereka yang berurusan di negara ini.

"Negara maju sepatutnya berfikiran terbuka terhadap struktur sosioekonomi sesebuah negara. Mereka tidak seharusnya hanya mementingkan keuntungan semata-mata kerana negara maju sudah ada daya saing yang tinggi dan mempunyai keupayaan penyelidikan dan

pembangunan (R & D) bagi memantapkan ekonomi mereka," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam Malaysia tidak akan tunduk kepada tekanan asing yang mahu kuota Bumiputera dalam sektor perniagaan dan sekatan kepada pemilikan asing dalam syarat tempatan termasuk bank dihapuskan atas nama globalisasi.

Malaysia kini menghadapi tekanan daripada negara maju menerusi satu memorandum yang dikemukakan kepada negara ini, iaitu tnhu beberapa syarat yang dikenakan terhadap peniaga mereka ketika berurusan dengan Malaysia dihapuskan.

Katanya, Malaysia sebagai sebuah negara membangun, mempunyai agenda sendiri untuk menyusun semula masyarakat dan berusaha untuk mengukuhkan ekonomi.

Ramai orang Melayu ketinggalan dalam pelbagai segi harus diberi peluang lebih luas atau 'payung' untuk memajukan diri dan bukan terus dibelenggu dengan penghapusan kuota.

"Jika kuota Bumiputera mahu dihapuskan, bagaimanapun mereka yang kebanyakan menjalankan perniagaan secara runcit akan berdaya saing dengan syarikat multinasional," katanya.

Sehubungan itu, kerajaan perlu lebih berhati-hati dan ticlak tunduk kepada syarikat multinasional kerana ia akan merugikan negara ini dalam tempoh jangka panjang.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Muslim Best Food Industries Sdn Bhd, Sheikh Ahmad Dasuki Sheikh Mohamad, berkata pihaknya menyokong penuh kenyataan Dr Mahathir kerana kini nampak semakin jelas negara maju cuba menguasai ekonomi Malaysia menerusi bidang perniagaan.

Katanya, sebagai contoh, syarikatnya yang terbabit dalam pengeluaran sos tidak menerima layanan adil dan profesional daripada pasar raya besar seperti Giant, Carrefour, Jaya Jusco dan Tops.

"Ini berlaku kerana berada dalam kumpulan Bumiputera. Mereka meneakan kami harga rendah, yuran dan caj tertentu yang tidak munasabah" katanya.